

Akademi Silat di Solo siap tengah tahun

Berita Harian, 14 January 1995, Page 16

Article also available on Microfilm Reel NL19850

Printer-Friendly Page

Akademi Silat di Solo siap tengah tahun

Dibuka kepada pesilat dari seluruh dunia **SILAT**

— SENI silat olahraga dijangka berkembang lebih pesat lagi dengan terbentuknya Akademi Silat di Solo, Indonesia pada pertengahan tahun ini.

Menurut setiausaha agung Persekutuan Silat Singapura (Persisi), Sarkawai Haji Masom, ini merupakan julung-julung kali sebuah akademi silat ditubuhkan di sebidang tanah seluas 10 ekar.

"Akademi ini akan memberikan kesempatan kepada semua pesilat dari semua pelosok dunia untuk berlatih di sana. Bahkan, mereka boleh mendapatkan khidmat jurulatih yang tertentu yang datangnya dari Persatuan Silat Antarabangsa (Pesilat)," jelas Sarkawai.

Oleh **MOHD SANI ALI**

Setiausaha agung Persisi itu selanjutnya menyatakan, beliau mendapat tahu mengenai penubuhan akademi itu ketika menghadiri Kongress Pesilat yang berlangsung di Haadyai, Thailand sempena Kejohanan Silat Dunia di sana pada hujung tahun lalu.

"Tanah itu adalah hadiah dari pemerintah Indonesia yang diberi kepada Pesilat dan akan diuruskan oleh Jawatankuasa Olimpik Nasional Indonesia (Koni)," jelas Sarkawai lagi.

"Kami juga dimaklumkan bahawa akademi ini boleh menampung antara 1,500 hingga 2,000 pesilat pada satu masa," katanya lagi.

Menurut Sarkawai, antara

ciri-ciri yang terdapat pada Akademi Silat itu nanti ialah sebuah dewan guru, asrama untuk pesilat dan sebuah muzium silat.

Menjelaskan, Sarkawai berkata dewan guru itu merupakan tempat perhimpunan para guru silat yang menjadi anggota Pesilat untuk mengadakan persidangan, pertemuan dan sebagainya.

Bangunan asrama itu pula untuk menempatkan para pesilat yang menyertai khemah latihan di akademi tersebut.

Muzium silat itu pula akan menghimpunkan segala khazanah yang berkaitan dengan sejarah dan kegiatan silat dunia. Ini termasuk sejarah, buku, gambar atau peralatan silat.

Menyentuh penggunaan asrama berkenaan, Sarkawai berkata bahawa ia boleh digunakan oleh anggota Pesilat, dengan syarat mereka perlu membuat tempahan terlebih dahulu, sama seperti yang di-

lakukan ke atas penyewaan rumah tumpangan.

"Pesilat Silat akan dikenakan bayaran minimal dan di samping tempat penginapan, asrama itu juga menyediakan makanan harian selama peserta berada di sana," sambung Sarkawai.

Sehubungan dengan itu, Pesilat juga akan menyediakan jurulatih bertauliah untuk mengendalikan latihan.

Ini menurut Sarkawai, boleh memberikan kesempatan kepada para peserta mendedahkan diri kepada kaedah latihan dari para guru yang bertalenta pula.

"Gambaran yang dapat saya nyatakan ialah asrama akademi silat ini akan memberi suasana yang benar-benar sesuai dengan alam persilatan," kata Sarkawai.

Beliau menambah: "Akademi seumpama ini seharusnya sudah didirikan 10 tahun lalu, kerana silat sudah bertapak di rantau ini lebih dari usia Melaka dibangunkan."

“ Akademi ini akan memberikan kesempatan kepada semua pesilat dari semua pelosok dunia untuk berlatih di sana. Bahkan, mereka boleh mendapatkan khidmat jurulatih yang tertentu yang datangnya dari Persatuan Silat Antarabangsa. ”

— Setiausaha agung Persekutuan Silat Singapura, Sarkawai Haji Masom.